



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**KUNJUNGAN HORMAT TYT DUTA BESAR INDONESIA  
KE ATAS YB MENTERI SUMBER MANUSIA**

1. Duta Besar Indonesia, TYT Hermono telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Menteri Sumber Manusia, YB V. Sivakumar di Kementerian Sumber Manusia pada 4 Januari 2023. Kunjungan hormat tersebut adalah bagi membincangkan isu hubungan dua hala perburuhan di antara Malaysia dan Indonesia yang bakal menjadi agenda di peringkat tertinggi kedua negara semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Jakarta pada 8 dan 9 Januari 2023.
2. Malaysia dan Indonesia telah menjalin hubungan perburuhan menerusi dua Memorandum Persefahaman (MoU) yang melibatkan pengambilan pekerja warga Indonesia bagi sektor formal dan sektor pekerja domestik. MoU bagi sektor formal telah dimeterai oleh kedua negara pada 10 Mei 2004, manakala bagi sektor pekerja domestik pula telah dimeterai oleh kedua negara pada 1 April 2022. Sehingga 30 November 2022, terdapat seramai 376,256 pekerja warga Indonesia yang bekerja di negara ini.
3. TYT Duta Besar Indonesia dan YB Menteri Sumber Manusia telah berbincang mengenai kaedah untuk mempertingkatkan kerjasama perburuhan khususnya dalam memberikan perlindungan kepada pekerja warga Indonesia di Malaysia. Malaysia telah mengambil langkah untuk melindungi kebijakan pekerja warga asing di negara ini termasuk pekerja warga Indonesia. Dalam hal ini, Malaysia komited untuk melaksanakan *One Channel System* (OCS) sebagai platform tunggal bagi kemasukan pekerja domestik Indonesia ke negara ini bagi mengelakkan kemasukan melalui saluran lain yang boleh menjurus kepada pekerja tersebut menjadi mangsa eksploitasi buruh. Kedua-dua negara telah menggunakan platform Mesyuarat Jawatankuasa Kerja untuk membincangkan isu-isu mengenai pembantu domestik Indonesia (PDI) secara berkala di mana

mesyuarat akan datang dijangka akan diadakan di Indonesia pada bulan Februari 2023.

4. Lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Indonesia pada bulan Januari ini kelak diharap akan memperkuuhkan kerjasama sedia ada di antara kedua negara dalam pelbagai bidang khususnya sektor perburuhan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**PUTRAJAYA**

**4 JANUARI 2023**